

17 NOV 1997

Mahathir-Media

DUNIA PERLU BERITA YANG TEPAT DAN BERFAKTA, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 17 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, dunia memerlukan laporan-laporan berita yang tepat dan berfakta untuk menyumbangkan kepada hubungan baik antara penduduk dan negara-negara serta demi kemajuan dunia.

Perdana Menteri berkata, media mempunyai kedudukan istimewa untuk membuat ini tetapi malangnya sensasi dan soal untung rugi telah menyebabkan penyelewengan dan ketepatan tidak lagi penting.

Oleh kerana ini, dunia tidak lagi mempunyai satu alat yang penting demi kebaikan amnya, kata beliau semasa merasmikan konvensyen antarabangsa akhbar-akhbar Cina di sini, anjuran Akhbar Kwong Wah Yit Poh Bhd dengan kerjasama Institut Akhbar Bahasa Cina dari Hong Kong.

Beliau berkata, negara-negara yang mendakwa mempunyai kebebasan media yang tidak terhad sama ada tidak bertanggungjawab ataupun tidak menyatakan kebenaran.

"Mereka pasti tidak memberitahu semua yang benar kerana kita tahu apa yang mereka laporkan mengenai kita adalah jauh daripada kebenaran," dan seringkali mereka tidak melaporkan perkara-perkara yang mereka tidak mahu dunia mengetahuinya dan perkara-perkara yang mereka tidak bersetuju dengan.

Merujuk kepada laporan media asing mengenai Malaysia, Dr Mahathir berkata mereka tidak teragak-agak untuk membangkitkan isu negatif mengenai negara ini, penduduknya ataupun personaliti-personaliti tetapi akan mengetepikan semua yang baik.

Oleh kerana itu, beliau berkata mereka akan melaporkan mengenai dakwaan pembalakan yang keterlaluan di hutan-hutan Malaysia, tetapi pada hakikatnya Malaysia telah mengekalkan 50 peratus daripada permukaan tanah dengan hutan asal dan 20 peratus lagi ladang-ladang pokok yang tidak pernah dilaporkan.

"Tetapi kita tahu yang di negara mereka sendiri, mereka memotong pokok untuk membersihkan kawasan bagi pertanian dan tempat tinggal sehinggakan ada tempat yang tiada lagi hutan asal," kata beliau.

"Kita perlu menganggap jika laporan mereka mengenai kita adalah tidak betul, , tidak tepat dan berat sebelah, maka laporan mereka mengenai negara-negara lain juga adalah tidak betul, tidak tepat dan berat sebelah," kata beliau lagi.

Mereka mempunyai prasangka terhadap negara-negara membangun dan memihak kepada negara-negara maju dan laporan-laporan mereka tidak boleh dijadikan asas untuk mengambil sesuatu pendirian.

Perdana Menteri berkata, media barat tertentu apabila menulis mengenai Malaysia secara automatik akan menyatakan akhbar di Malaysia "dikawal".

" Hakikat yang sebilangan akhbar-akhbar (Barat) ini sebenarnya dicetak di Malaysia dan tidak pernah ditapis oleh kerajaan nampak tidak signifikan kepada akhbar-akhbar itu," katanya.

Ini menyedihkan kerana mereka tidak dapat menyatakan apa yang benar, kata beliau.

Akhbar asing International Herald Tribune dan Asian Wall Street Journal dicetak di Malaysia untuk diedarkan di rantau ini.

"Tiada sesuatu seperti kebebasan mutlak dan semua kebebasan adalah terhad kerana kebebasan mutlak pada satu pihak boleh menjejaskan ataupun menghalang kebebasan pihak yang lain ataupun seluruh masyarakat," kata Dr Mahathir.

Beliau menjelaskan yang kerajaan dipilih mempunyai tanggungjawab melindungi setiap orang daripada setiap orang lain dan jika terdapat had

dalam kebebasan sesiapa di Malaysia, ia bagi memastikan kebebasan mereka yang lain.

" Kita memerlukan kebebasan akhbar kerana kita berpendapat ia baik bagi kita. Menekan kebenaran pasti tidak baik bagi masyarakat manusia," kata Dr Mahathir.

Malangnya, kata beliau, kebebasan akhbar seringkali menafikan hak mereka yang bukan wartawan, khasnya mereka yang menjadi subjek dalam laporan berita yang tidak diberi peluang untuk mempertahankan diri.

Menurut Dr Mahathir lagi, dalam apa ukuran pun ini tidak adil bagi masyarakat yang percaya setiap orang perlu diberi peluang untuk menjelaskan keadaan sebenar.

"Di Malaysia, kecuali langkah minima memastikan yang pihak media bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kebebasan dengan mengapi-apikan isu perkauman dan keganasan serta menyiarkan bahan lucah, media Malaysia adalah bebas," kata beliau.

Beliau berkata, Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum pernah mengalami titik hitam dalam sejarahnya apabila berlaku rusuhan kaum yang menyebabkan orang-orang terbunuh.

"Sementara kita mahukan kebebasan akhbar, kita juga mahukan keamanan dan kestabilan dan mahu nyawa rakyat kita terjamin," kata beliau.

Lebih kurang 140 wakil daripada pelbagai akhbar berbahasa Cina dari seluruh dunia menghadiri Konvensyen Antarabangsa Akhbar-akhbar China ke 30 di sini dengan tema kali ini "Teknologi Akhbar -- Pembangunan dan Harapan Serta Peranan Masa Depan Akhbar Cina di Asia Tenggara". -- BERNAMA

AHM PR